

## Pergerakan *Yahūdī Ṣahyūnī* (Zionist) dan Bahayanya

### (2)

Dalam bilangan yang lalu kita telah menyajikan tulisan al-Ustādh Abbas Mahmud al-Aqqad dalam bukunya ((*al-Ṣahyūniyyah al-‘Ālamiyyah*)) menggambarkan bagaimana licinnya anggota-anggota barisan kelima pergerakan Yahudi *Zionist* dan boneka-bonekanya menyeludup dalam segala lapangan kebudayaan, meliputi siasah, pendidikan, kesenian, persuratkhabaran, kesusasteraan dan kemasyarakatan.

Dan sekarang beliau pula membentangkan sejarah pergerakan *Yahūdī Ṣahyūnī* (*Zionist*) ini dari zaman sebelum masihi hingga hari ini.

(Terjemahan: Abdullah Basmeh)

Banyak orang menyangka, bahawa pergerakan *Yahūdī Ṣahyūnī* ialah satu pergerakan agama yang lama, dan bahawa ia ada hubungan dengan janji-janji yang pernah dijanjikan untuk Nabī Ibrāhīm ‘*alayhi al-salām*.

Yang sebenarnya pergerakan itu bukanlah satu pergerakan agama, dan bukan pula satu pergerakan yang lama dalam kalangan Banī Isrā’īl sendiri, tetapi ialah satu pergerakan politik (siasah) yang bersangkutan paut dengan berdirinya kerajaan dan kejatuhannya, dalam kalangan keluarga Raja Daud.

Setinggi-tinggi perkara yang telah dicapai oleh Nabī Ibrāhīm ‘*alayhi al-salām* di bawah kemuncak ((Bukit Sahyun)) (yang terletak di Palestin) bahawa ia telah membeli sebuah kubur di sana, sebagaimana yang tersebut di dalam kitab *Taurāt* (fasal yang kedua puluh tiga, dari kitab *Safar al-Takwīn*).

Beberapa kurun telah berlalu kemudian daripada zaman Nabī Ibrāhīm hinggalah kepada zaman Nabī Mūsā ‘*alayhi al-salām*. Kemudian berlalulah pula beberapa kurun, sesudah zaman Nabī Mūsā dan keadaan itu tidak berubah, dan bandar Bayt al-Maqdis masih juga dikuasai oleh puak

al-Yebusiyyin (suatu kaum penduduk Palestin). Menurut kitab *Taurāt* (*Safar al-Qaḍāh*) bahawa keturunan Banī Benyāmīn (satu suku kaum Yahudi) pernah tinggal bersama-sama dengan puak al-Yebusiyyin, tetapi mereka tidak pernah mendakwa bahawa mereka ada mempunyai kuasa dalam bandar (Bayt al-Maqdis) itu. Setelah itu keturunan Yahudi (Banī Yahūdā), satu suku kaum Yahudi yang lain, telah melanggar bandar Bayt al-Maqdis lalu meleburkannya dan membakarnya. Tidak pula terlintas di hati mereka hendak mengambil tempat kedudukan yang suci menurut kepercayaan mereka, atau yang tidak suci – di bandar Bayt al-Maqdis yang tersebut. Setelah itu puak al-Yebusiyyin telah datang semula melanggarnya lalu menguasai bandar itu sehinggalah zaman Raja Daud memegang teraju pemerintahannya (pemerintahan Bayt al-Maqdis), lalu digantikan oleh anakandanya Raja Sulaiman yang telah mendirikan rumah ibadah yang masyhur dengan nama al-Haykal di bandar Bayt al-Maqdis.

Orang-orang Yahudi tidak pula sekata menghormati bandar Bayt al-Maqdis setelah rumah ibadah al-Haykal itu terdiri di dalamnya. Kerana Raja “Yehoash” Raja

Israel telah menyerang bandar Bayt al-Maqdis, dan mencerooboh kehormatan rumah ibadah Haykalnya, serta merampas benda-benda perhiasan dan bekas-bekas yang berharga yang ada di dalamnya, lalu berangkat kembali ke bandar “Sāmarah” (sebuah bandar tua di Palestin).

Kalau kita pula berbalik kepada kalimah “Şahyūn” itu sendiri, kita tidak dapati baginya sesuatu asal yang dengan sekata diakui dalam bahasa ‘Ibrāni kebanyakan orang yang menghuraikan asal asul kalimah ini mengakui bahawa ia berasal dari perkataan Arab, iaitu daripada asal kata: “*al-sawn*” (pemeliharaan) dan “*al-tahşīm*” (perkubuan). Dan memang Şahyūn itu ialah merupakan sebuah kubu dari kubu-kubu tanah tinggi (di Palestin). Bahasa Arab yang dimaksudkan di sini ialah bahasa penduduk asli semenanjung Arab yang telah mendiami Palestin beratus-ratus tahun sebelum kaum ‘Ibrāni (Yahudi) berpindah ke Palestin. Merekalah orang-orang Arab tua itu yang telah menamakan negeri Palestin dengan nama “Kan‘ān” yakni tanah rendah.

Apabila Şahyūn itu telah dikuasai oleh kaum Yahudi tidak pula mereka memelihara nama itu, kerana menurut yang tersebut di dalam kitab *Safar Samuel* yang kedua, bahawa Raja Daud telah menukar nama Şahyūn itu kepada nama “Bayt Dāwūd” demikianlah keadaan Şahyūn itu sebelum kaum Yahudi ditawan oleh orang Babylon dan membawa mereka ke Babylon. Pada masa itu menjadilah cita-cita mereka hendak kembali ke Şahyūn sebagai satu tanda yang melambangkan cita-cita hendak kembali kepada kerajaan mereka yang telah lalu. Janji-janji Tuhan yang tersebut di dalam kitab-kitab mereka telah berubah pula dengan perubahan baharu menurut maslahat-maslahat siyasah, lalu terhad kepada keturunan Nabī Dāwūd – ‘*alayhi al-salām* – supaya dengan itu kaum

Yahudi yang bukan keturunan Dāwūd, terkeluar dari mewarisi apa yang dijanjikan itu.

Ini bukanlah perubahan yang pertama kepada kaum Yahudi dalam janji-janji yang tersebut menurut maslahat-maslahat siyasah pada mulanya janji itu diberikan kepada Nabī Ibrāhīm lalu mereka memindahkannya kepada Nabī Ishāq supaya keturunan Ismā‘īl tidak termasuk di dalamnya. Kemudian mereka memindahkannya kepada Nabī Ya‘qūb supaya janji itu terhad kepada keturunan Israel. Kemudian mereka memindahkannya pula kepada keturunan Dāwūd supaya terhad kepada kerajaan selatan dengan tidak termasuk di dalam kerajaan utara.

Dan begitulah halnya perjanjian Şahyūn itu (satu perjanjian siyasah) yang menurut kehendak negara dan kehendak rumah ibadah al-Haykal (yakni ketua-ketua agama) yang terdiri di sisinya, iaitu tidak ada sangkut pautnya dengan iktikad keagamaan yang meliputi segala keturunan Ibrāhīm.

Dalam masa kaum Yahudi ditawan dan dibawa ke Babylon, mereka telah mempelajari di sana akan bekas-bekas peninggalan ajaran agama tua, dan apa yang terkandung di dalamnya dari berita-berita yang menggembirakan tentang kembalinya “murdoch<sup>1</sup>” ke bumi, dan kembalinya pesuruh cahaya pada tiap-tiap seribu tahun sekali ke bumi untuk memperbaiki kerosakan yang berlaku di dalamnya. Maka semenjak itu bergantunglah harapan mereka dengan soal kembalinya negara Palestin ke tangan mereka melalui tangan seorang pahlawan dari pahlawan-pahlawan ghaib. Pahlawan ini pula tidak terhad kepada keturunan Dāwūd, bahkan mereka pernah juga mengatakan bahawa orang itu ialah “Kūrush” raja Parsi yang dinamakan al-Masīh di dalam fasal yang keempat puluh lima di dalam *Safar* (kitab) *Ash‘iyā*

<sup>1</sup> Paling hampir dengan carian adalah murdoch

mereka telah tinggal beberapa lama khayal memikirkan al-Masīh yang dijanjikan itu sebagai seorang raja yang mempunyai takhta dan mahkota, yang menakluk akan bandar Bayt al-Maqdis dengan pedang, dan mengembalikannya di dalamnya kerajaan (Yahudi) yang telah lenyap itu. Tetapi oleh kerana masa yang berlanjutan, mereka pun berputus asa daripada dapat mengembalikan kerajaan (Yahudi) itu dengan kekuatan senjata, lalu mereka menggantungkan harapan mereka kepada Rasul yang pilihan dari alam rohani. Menurut yang tersebut di dalam *Safar* (kitab) *Zakariyā*, bahawa sifat Rasul itu ialah: “Seorang yang adil, yang mendapat pertolongan, yang peramah, dan suka menunggang himār. . . . .”

Apabila Nabī ‘Īsā al-Masīh - ‘*alayhi al-salām*, - dibangkitkan dalam kalangan mereka, ketua-ketua agama yang memegang urusan rumah ibadah mereka (al-Haykal) tidak mengakui kerasulannya, tetapi setengah daripada orang-orang Yahudi dan penduduk-penduduk Palestin yang lain telah beriman kepadanya. Kaum Yahudi berhujah (menolak ajaran Nabī ‘Īsā) dengan janji (Tuhan) yang telah dijanjikan kepada Nabī Ibrāhīm. Nabī ‘Īsā menjawab: Bahawa anak-anak Ibrāhīm secara rohani ialah mereka yang dijanjikan bahawa mereka akan beroleh keselamatan. Tiap-tiap seorang yang beriman dengan agamanya maka orang itu akan terhitung daripada anak-anaknya, dan tidak ada bezanya antara seorang Yahudi dengan seorang Yunani (Greek). Kerana hanyalah satu Tuhan jua bagi sekaliannya. Sebagaimana yang tersebut di dalam surat yang dihantarkan ke bandar Rom.

Dalam zaman Nabī ‘Īsā, kaum Yahudi telah berselerak dalam segala ceruk rantau negara Rom, dan mereka telah mengambil tempat yang menjadi watan mereka tiap-tiap negeri yang terletak dalam kuasa kerajaan Rom yang luas itu. Tentang ini, Philon, ahli falsafah Iskandariyyah yang

berbangsa Yahudi telah menulis: “Kaum Yahudi, disebabkan bilangan mereka yang ramai, tidak mencukupi mereka sesebuah tempat, lalu mereka berselerak mencari sara hidup di negeri-negeri yang kaya di Eropah dan Asia. Dalam pada itu mereka memandang bandar Urshalim (Jerusalem - Bayt al-Maqdis) tempat letaknya al-Haykal rumah ibadah mereka, seolah-olah ibu negeri mereka yang besar, dan mereka memandang tiap-tiap negeri tempat mereka tinggal dan tempat tinggal datuk nenek mereka dahulu, sebagai watan mereka.”

Kalimah yang disebutkan oleh Philon tentang ibu negeri ialah kalimah yang berasal dari bahasa Yunani (Greek) iaitu “Metropolis” (dari kalimah ((metri)) bermakna ((ibu)) dan ((polis)) bermakna ((negeri)) atau ((bandar)). Biasa juga menjadi nama bagi tiap-tiap tempat yang utama yang mengandungi rumah-rumah ibadah atau pejabat-pejabat kerajaan.

Jelasnya, pergerakan Şahyūnī (*Zionist*) pada zaman dahulu kalau bukanlah satu pergerakan agama, bahkan satu pergerakan siasah. Tetapi kemudiannya telah lenyaplah harapan untuk menjayakan secara siasah, lalu terputuslah perhubungannya dengan maknanya secara geografi.

-bersambung.

SUDAH TERBIT!

PERSATUAN MELAYU

PUISI II

Harga \$6.00

Pesan kepada:-

QALAM

356 & 358, Geylang Road,

Singapore, 14.